

**NO. SOALAN : 437**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN  
[ BAYAN BARU ] - PKR**

**SOALAN : 437**

**YB Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah rumah PR1MA yang telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pemilik sejak PR1MA ditubuhkan. Adakah penjualan atau cabutan undi rumah PR1MA dikenakan kuota kaum.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini sebanyak 1,332 unit rumah PR1MA telah disiapkan iaitu di Putrajaya, Kuala Ketil dan Sungai Petani 2 di Kedah. Daripada jumlah tersebut, PR1MA telah selesai menyerahkan kunci bagi 883 unit kediaman kepada pembeli projek PR1MA di Putrajaya dan Kuala Ketil. Pada masa akan datang, PR1MA menjangkakan lebih banyak kediaman akan diserahkan kunci kepada pembeli bagi projek-projek yang akan siap.

Umum mengetahui pembahagian kediaman PR1MA dilaksanakan melalui proses undian terbuka yang diaudit sepenuhnya. Proses ini memberi peluang sama rata bagi setiap pemohon yang menepati syarat kelayakan tanpa mengira kaum dan latar belakang untuk memiliki rumah PR1MA.

Sekian, terima kasih.